



## Artikel AMBD

### PERJANJIAN KESALINGBOLEHTUKARAN MATAWANG DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN SINGAPURA

---

Tarikh 12hb Jun 2017 mencatatkan satu pencapaian yang istimewa, iaitu Ulang Tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura. Perjanjian ini memastikan autoriti-autoriti monetari dan bank komersial di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, masing-masing, boleh menerima dan membuat penukaran SGD dan BND, dengan nilai yang sama tanpa caj. Ini bermakna bahawa Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan bank-bank di Negara Brunei Darussalam akan menerima daripada orang awam, termasuklah para peruncit, matawang Singapura pada nilai 1:1 untuk deposit dan sebaliknya juga bagi matawang Negara Brunei Darussalam di Singapura, menjadikan ianya "*customary tender*". Perjanjian ini kekal hingga ke hari ini.

Pelaksanaan yang unik ini telah memberi manfaat kepada Negara Brunei Darussalam dan Singapura, melengkapinya dengan kestabilan makroekonomi kedua-dua buah negara. Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang ini juga telah membantu memudahkan aktiviti pelancongan, perdagangan dan pelaburan di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura.

Selain daripada Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang, dasar monetari Negara Brunei Darussalam adalah juga berdasarkan kepada sistem lembaga matawang, iaitu komitmen sesebuah negara kepada sesuatu kadar pertukaran yang tetap di antara matawang tempatan dan matawang asing.

Dalam pada itu, perjanjian di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura ini mempunyai ciri yang unik berbanding dengan sistem lembaga matawang biasa, mengambil kira elemen kesalingbolehtukaran matawang dan peruntukan "*customary tender*". Pelaksanaan tersebut telah menjadikan Singapura sebagai salah satu rakan perdagangan utama Negara Brunei Darussalam, dan memudahkan aktiviti hubungan keawangan di antara kedua-dua buah negara (MAS, 2017).

*International Monetary Fund (IMF)* juga menyatakan bahawa lembaga matawang atau *currency board arrangement* telah membawa manfaat kepada Negara Brunei Darussalam, seiring dengan ikatan atau peg dolar Brunei kepada dolar Singapura dan perjanjian kesalingbolehtukaran matawang, mengambil kira dolar Singapura adalah "*nominal anchor*" yang kredibel (MAS, 2017).

Secara ringkas, perjanjian kesalingbolehtukaran matawang telah memberikan pelbagai manfaat kepada Negara Brunei Darussalam dan Singapura, dan telah memainkan peranan yang penting dalam mengeratkan hubungan yang rapat di antara kedua buah negara, dan juga dalam memacu pertumbuhan ekonomi demi kebaikan rakyat masing-masing. Kekuatan dan ketahanan perjanjian kesalingbolehtukaran mata wang selama 50 tahun ini adalah suatu pencapaian yang amat penting, dan melambangkan hubungan erat kedua-dua buah negara.

#### **Rujukan:**

Monetary Authority of Singapore (2017), "The Currency Interchangeability Agreement: Fifty Years On", *Macroeconomic Review*, Vol. XVI (1), pp. 73-76.